Ishak bin Mansor lwn Timbalan Ketua Polis Kelantan dan satu lagi

MAHKAMAH TINGGI (KOTA BHARU) — GUAMAN SIVIL NO MT(3)21–2 TAHUN 2000
SULAIMAN DAUD H
9 FEBRUARY 2007

Pengkhidmat awam — Prosiding tatatertib — Prosedur — Plaintif dituduh lapan pertuduhan tatatertib — Plaintif dikenakan hukuman gantung kerja dan seterusnya dibuang kerja — Terdapat dua peraturan tatatertib yang berkuat kuasa bagi anggota-anggota pasukan polis, iaitu Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 ('Peraturan-Peraturan 1993') dan Peraturan-Peraturan Polis (Kelakuan dan Tatatertib) (Pegawai-Pegawai Rendah Polis dan Mata-Mata) 1970 ('Peraturan-Peraturan 1970') — Plaintif dihukum buang kerja di bawah Peraturan-Peraturan 1993 — Sama ada Peraturan-Peraturan 1993 terpakai bagi pembuangan kerja plaintif — Jika terpakai, sama ada prosedur yang ditetapkan telah dipatuhi oleh pihak berkuasa tatatertib — Sama ada pembuangan kerja plaintif adalah tidak sah di sisi undang-undang — Jika tidak sah, sama ada plaintif harus dibayar ganti rugi

Plaintif, seorang anggota polis berpangkat koperal Polis Diraja Malaysia, telah ditahan di bawah s 3(1) Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Pencegahan Jenayah) 1969 ('Ordinan Darurat'). Semasa plaintif di dalam tahanan, beliau telah dituduhkan dengan lapan pertuduhan tatatertib ('pertuduhan tersebut'). Walau bagaimanapun sebelum prosiding pertuduhan tersebut diadakan, plaintif telah dikenakan dengan perintah sekatan di bawah s 4A(1) Ordinan Darurat selama dua tahun ('perintah tersebut'). Ekoran daripada perintah tersebut, defendan pertama yang bertindak sebagai pihak berkuasa tatatertib telah mengenakan ke atas plaintif, hukuman gantung kerja di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 ('Peraturan-Peraturan 1993'). Selanjutnya, defendan pertama telah memutuskan untuk plaintif dibuang kerja di bawah Peraturan-Peraturan 1993. Dalam tindakan ini, plaintif telah menuntut, antara lain, suatu perisytiharan bahawa tindakan pembuangan kerja oleh defendan pertama terhadapnya adalah tidak sah di sisi undang-undang, dan seterusnya dia dibayar ganti rugi atas pembuangan kerja salah tersebut. Isu-isu yang perlu dipertimbangkan oleh mahkamah adalah sama ada Peraturan-Peraturan 1993 terpakai bagi pembuangan kerja plaintif dan jika terpakai, sama ada prosedur yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan 1993 itu telah dipatuhi oleh defendan pertama. Mahkamah telah diperingatkan bahawa terdapat dua peraturan tatatertib yang berkuat kuasa bagi anggota-anggota pasukan polis, iaitu Peraturan-Peraturan 1993 dan Peraturan-Peraturan Polis (Kelakuan dan Tatatertib) (Pegawai-Pegawai Rendah Polis dan Mata-Mata) 1970 ('Peraturan-Peraturan 1970'). Defendan pertama telah menegaskan bahawa plaintif sebagai seorang kakitangan kerajaan yang bertugas dalam Polis Diraja Malaysia adalah tertakluk kepada kedua-dua peraturan-peraturan tersebut.

Diputuskan:

(1) Dalam tindakan ini, prosiding tatatertib bagi plaintif, sebagai seorang koperal Polis Diraja Malaysia yang termasuk dalam takrifan 'pegawai polis rendah' di dalam s 2 Akta Polis 1967, adalah dikawal selia oleh Peraturan-Peraturan 1970 sahaja. Seseorang kakitangan kerajaan hanya tertakluk kepada satu peraturan tatatertib sahaja. Peruntukan dalam suatu undang-undang, termasuk undang-undang subsidiari tidak boleh diperluaskan pemakaiannya kepada undang-undang lain melainkan terdapat peruntukan nyata bagi maksud itu dalam undang-undang lain tersebut. Peruntukan dalam Peraturan-Peraturan 1993 tidak boleh dibawa masuk ke dalam Peraturan-Peraturan 1970 bagi melengkapkan Peraturan-Peraturan 1970 (lihat perenggan 8 & 11); *Nordin bin Haji Zakaria P/SAC II, Timbalan Ketua Polis Kelantan & Anor v Mohd Noor bin Abdullah* [2004] 3 AMR 689 diikut.

(2) Lanjutan dari keputusan di atas, mahkamah telah memutuskan bahawa ia tidak perlu untuk menimbangkan isu selanjutnya iaitu sama ada prosedur di bawah Peraturan-Peraturan 1993 telah dipatuhi oleh defendan pertama dalam tindakan pembuangan kerja plaintif. Oleh yang demikian, mahkamah telah mengisytiharkan bahawa tindakan pembuangan kerja plaintif oleh defendan pertama adalah tidak sah di sisi undang-undang dan siasatan diadakan di hadapan Timbalan Pendaftar bagi amaun ganti rugi kepada plaintif termasuk faedah (lihat perenggan 12).

[English summary

The plaintiff holding the rank of Corporal in the Royal Malaysia Police Force, was detained under s 3(1) of the Emergency (Public Order and Prevention of Crime) Ordinance 1969 ('the Emergency Ordinance'). Whilst the plaintiff was in detention, he was charged with eight disciplinary charges ('the said charges'). However before the proceeding of the said charges had begun, the plaintiff was imposed with a restraining order under s 4A(1) of the Emergency Ordinance for two years (the said order'). Subsequent to the said order, the first defendant acting as the disciplinary authority had imposed upon the plaintiff, a work suspension sentence under the Public Servants (Conduct and Disciplinary) Regulation 1993 ('the 1993 Regulation'). Furthermore, the first defendant had decided the plaintiff be terminated under the 1993 Regulation. In this action, the plaintiff claimed, inter alia, a declaration that the dismissal by the first defendant against him was unlawful and hence he be paid damages for the wrongful dismissal. The issues to be determined by the court was whether the 1993 Regulation was applicable for the plaintiff's dismissal and if it was applicable, whether the procedure stipulated under the 1993 Regulation had been complied with by the first defendant. The court was cautioned that the two disciplinary regulations had effect upon the police force, ie the 1993 Regulation and the Police (Conduct and Discipline) (Junior Police Officers and Constables) Regulations 1970 ('the 1970 Regulation'). The first defendant contended that the plaintiff as a public servant holding office in the Royal Malaysia Police Force was subjected to both the said regulations.

Held:

(1) In this action, the disciplinary proceeding of the plaintiff, as a corporal in the Royal Malaysia Police Force which comes within the definition o f a 'police officer' in s 2 of the Police Act 1967, is governed by the 1970 Regulation only. A government officer should be subjected to only one disciplinary regulation. The provision in a certain law, including subsidiary laws could not widen its usage to other laws unless there is a clear provision for that purpose in another law. The provision in the 1993 Regulation should not be brought in with the 1970 Regulation to complete the 1970 Regulation (see paras 8 & 11); *Nordin bin Haji Zakaria P/SAC II, Timbalan Ketua Polis Kelantan & Anor v Mohd Noor bin Abdullah* [2004] 3 AMR 689 followed.

(2) Following the above decision, the court had decided that it did not need to consider the next issue ie whether the procedure uner the 1993 Regulation had been complied with by the first defendant in the plaintiff's dismissal. Therefore, the court had declared that the plaintiff's dismissal was unlawful and an inquiry be made before the Deputy Registrar for the amount of damages to the plaintiff with interest (see para 12).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai prosedur prosiding tatetertib, lihat 10 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2005 Reissue) perenggan 1898–1900.

Kes-kes yang dirujuk

Nordin bin Haji Zakaria P/SAC II, Timbalan Ketua Polis Kelantan & Anor v Mohd Noor bin Abdullah [2004] 3 AMR 689 (diikut)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Polis 1967 s 2
Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam Dan Pencegahan Jenayah) 1969 ss 3(1), 4A(1)
Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 peraturan-peraturan 38(g), 46(1)
Peraturan-Peraturan Polis (Kelakuan dan Tatatertib) (Pegawai-Pegawai Rendah Polis dan Mata-Mata) 1970

Md Latip bin Sarugi (Mohd Latip & Co) bagi pihak plaintif.
Narkunavathy Sundareson (Peguam Kanan Persekutuan, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak defendan.

Sulaiman Daud H (sekarang HMR):

[1] Dalam tindakan ini plaintif telah menuntut, antara lain, suatu perisytiharan bahawa tindakan pembuangan kerja oleh defendan terhadapnya adalah tidak sah di sisi undang-undang, dan seterusnya dia dibayar ganti rugi atas pemecatan salah tersebut.

[2] Bagi maksud perbicaraan ini dokumen-dokumen yang difailkan telah ditandakan seperti berikut:

(a) ikatan pliding ditanda 'A';

(b) ikatan dokumen plaintif ditanda 'B';

(c) pernyataan fakta yang diakui ditanda 'C';

(d) kronologi peristiwa ditanda 'D'.

[3] Ikatan Dokumen B, pernyataan fakta C dan kronologi peristiwa D telah dipersetujui kesahihan dan kandungannya oleh peguam kedua-dua belah pihak. Perlu dijelaskan di sini peguam terpelajar plaintif juga telah memilih untuk tidak memanggil mana-mana saksi tetapi hanya bergantung kepada fakta-fakta dan dokumen-dokumen yang dipersetujui tersebut.

[4] Fakta kes menurut pernyataan fakta yang diakui adalah seperti berikut. Sebelum dibuang kerja pada 15 April 1997, plaintif adalah seorang anggota polis berpangkat koperal dalam Perkhidmatan Polis Di Raja Malaysia. Setelah berkhidmat di beberapa tempat, pada 16 Ogos 1996 dia telah ditukarkan ke Daerah Polis Gua Musang menjalankan tugas-tugas am.

[5] Pada 15 Februari 1997 plaintif telah ditahan di bawah s 3(1) Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam Dan Pencegahan Jenayah) 1969 di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kota Bharu. Pada 13 April 1997 plaintif, semasa masih dalam tahanan, telah diserahkan oleh Ketua Inspektor Jailani bin Mat dengan lapan pertuduhan tatatertib seperti berikut:

Pertuduhan Pertama

Bahawa anda, sebagai Kopral dalam Pasukan Polis Di Raja Malaysia, pada ketika itu berkhidmat di Balai Polis Gua Musang dalam Negeri Kelantan, telah didapati ingkar perintah kerana memiliki motosikal jenis Honda C70 No Pendaftaran PAG 8023 tanpa kebenaran dari ketua jabatan. Perbuatan anda bercanggah dengan arahan PTKPN A 207 di para iii, dibaca bersama arahan KPN 5/4 bertarikh 20 Julai 1978. Oleh yang demikian anda telah melakukan kesalahan tatatertib di bawah peraturan 2(7) Peraturan-Peraturan Polis (Kelakuan dan Tatatertib) (Pegawai-Pegawai Rendah Polis Dan Konstabel) 1970 PU(A) 86 bertarikh 24 Februari 1970 dan PU(A) 56 (Pindaan) bertarikh 8 Februari, 1984 dan boleh dihukum di bawah peraturan yang sama.

Pertuduhan Kedua

Bahawa anda, sebagai Kopral dalam Pasukan Polis Di Raja Malaysia, pada ketika itu berkhidmat di Balai Polis Gua Musang dalam Negeri Kelantan, te!ah didapati enggan atau cuai iaitu pada 12 Julai 1996 dengan tidak membuat apa-apa catatan yang anda berkewajipan membuat di dalam buku saku anda. Perbuatan anda bercanggah dengan arahan PTKPN A 121 bertarikh 1 September 1981. Oleh yang demikian anda telah melakukan kesalahan tatatertib di bawah peraturan 2(46) Peraturan-Peraturan Polis (Kelakuan dan Tatatertib) (Pegawai-Pegawai Rendah Polis Dan Konstabel) 1970 PU(A) 86

bertarikh 24 Februari 1970 dan PU(A) 56 (Pindaan) bertarikh 8 Februari 1984 dan boleh dihukum di bawah peraturan yang sama.

Pertuduhan Ketiga

Bahawa anda, sebagai Kopral dalam Pasukan Polis Di Raja Malaysia, pada ketika itu berkhidmat di Balai Polis Gua Musang dalam Negeri Kelantan, telah didapati enggan atau cuai iaitu pada tarikh 26 Julai 1997 hingga 3 Ogos 1996 dengan tidak membuat apa-apa catatan yang anda berkewajipan membuat di dalam buku saku anda. Perbuatan anda bercanggah dengan arahan PTKPN A 121 bertarikh 1 September 1981 — Oleh yang demikian anda telah melakukan kesalahan tatatertib di bawah peraturan 2(46) Peraturan-Peraturan Polis (Kelakuan dan Tatatertib) (Pegawai-Pegawai Rendah Polis Dan Konstabel) 1970 PU(A) 86 bertarikh 24 Februari 1970 dan PU(A) 56 (Pindaan) bertarikh 8 Februari 1984 dan boleh dihukum di bawah peraturan yang sama.

Pertuduhan Keempat

Bahawa anda, sebagai Kopral dalam Pasukan Polis Di Raja Malaysia, pada ketika itu berkhidmat di Balai Polis Gua Musang dalam Negeri Kelantan, telah didapati enggan atau cuai iaitu pada 21 Julai 1996 dengan tidak membuat apa-apa catatan yang anda berkewajipan membuat di dalam buku saku anda. Perbuatan anda bercanggah dengan arahan PTKPN A 121 bertarikh 1 September 1981. Oleh yang demikian anda telah melakukan kesalahan tatatertib di bawah peraturan 2(46) Peraturan-Peraturan Polis (Kelakuan dan Tatatertib) (Pegawai-Pegawai Rendah Polis Dan Konstabel) 1970 PU(A) 86 bertarikh 24 Februari 1970 dan PU(A) 56 (Pindaan) bertarikh 8 Februari 1984 dan boleh dihukum di bawah peraturan yang sama.

Pertuduhan Kelima

Bahawa anda, sebagai Kopral dalam Pasukan Polis Di Raja Malaysia, pada ketika itu berkhidmat di Balai Polis Gua Musang dalam Negeri Kelantan, telah didapati enggan atau cuai iaitu pada tarikh 7 Ogos 1996 hingga 20 Ogos 1996 dengan tidak membuat apa-apa catatan yang anda berkewajipan membuat di dalam buku saku anda. Perbuatan anda bercanggah dengan arahan PTKPN A 121 bertarikh 1 September 1981. Oleh yang demikian anda telah melakukan kesalahan tatatertib di bawah peraturan 2(46) Peraturan-Peraturan Polis (Kelakuan dan Tatatertib) (Pegawai-Pegawai Rendah Polis Dan Konstabel) 1970 PU(A) 86 bertarikh 24 Februari 1970 dan PU(A) 56 (Pindaan) bertarikh 8 Februari, 1984 dan boleh dihukum di bawah peraturan yang sama.

Pertuduhan Keenam

Bahawa anda, sebagai Kopral dalam Pasukan Polis Di Raja Malaysia, pada ketika itu berkhidmat di Balai Polis Gua Musang dalam Negeri Kelantan, telah didapati enggan atau cuai iaitu pada tarikh 25 Ogos 1996 hingga 27 Ogos 1996 dengan tidak membuat apa-apa catatan yang anda berkewajipan membuat di dalam buku saku anda. Perbuatan anda bercanggah dengan arahan PTKPN A 121 bertarikh 1 September 1981. Oleh yang demikian anda telah melakukan kesalahan tatatertib di bawah peraturan 2(46) Peraturan-Peraturan Polis (Kelakuan dan Tatatertib) (Pegawai-Pegawai Rendah Polis Dan Konstabel) 1970 PU(A) 86 bertarikh 24 Februari 1970 dan PU(A) 56 (Pindaan) bertarikh 8 Februari 1984 dan boleh dihukum di bawah peraturan yang sama.

Pertuduhan Ketujuh

Bahawa anda, sebagai Kopral dalam Pasukan Polis Di Raja Malaysia, pada ketika itu berkhidmat di Balai Polis Gua Musang dalam Negeri Kelantan, telah didapati enggan atau cuai iaitu pada 21 November 1996 hingga 3 Disember 1996 dengan tidak membuat apa-apa

catatan yang anda berkewajipan membuat di dalam buku saku anda. Perbuatan anda bercanggah dengan arahan PTKPN A 121 bertarikh 1 September 1981. Oleh yang demikian anda telah melakukan kesalahan tatatertib di bawah peraturan 2(46) Peraturan-Peraturan Polis (Kelakuan dan Tatatertib) (Pegawai-Pegawai Rendah Polis Dan Konstabel) 1970 PU(A) 86 bertarikh 24 Februari 1970 dan PU(A) 56 (Pindaan) bertarikh 8 Februari 1984 dan boleh dihukum di bawah peraturan yang sama.

Pertuduhan Kelapan

Bahawa anda, sebagai Kopral dalam Pasukan Polis Di Raja Malaysia, pada ketika itu berkhidmat di Balai Polis Gua Musang dalam Negeri Kelantan, telah didapati enggan atau cuai iaitu pada 5 Januari 1997 hingga 10 Januari 1997 dengan tidak membuat apa-apa catatan yang anda berkewajipan membuat di dalam buku saku anda. Perbuatan anda bercanggah dengan arahan PTKPN A 121 bertarikh 1 September 1981. Oleh yang demikian anda telah melakukan kesalahan tatatertib di bawah peraturan 2(46) Peraturan-Peraturan Polis (Kelakuan dan Tatatertib) (Pegawai-Pegawai Rendah Polis Dan Konstabel) 1970 PU(A) 86 bertarikh 24 Februari 1970 dan PU(A) 56 (Pindaan) bertarikh 8 Februari 1984 dan boleh dihukum di bawah peraturan yang sama.

[6] Perbicaraan bagi kelapan-lapan pertuduhan itu telah ditetapkan pada 5 Mei 1997 jam 10 pagi. Bagaimanapun sebelum prosiding tatatertib tersebut di adakan plaintif telah dikenakan perintah sekatan di bawah s 4A(1) Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam Dan Pencegahan Jenayah) 1969 selama dua tahun mulai 15 April 1997. Ekoran daripada perintah tersebut, defendan pertama yang bertindak sebagai pihak berkuasa tatatertib, melalui surat bertarikh 15 April 1997 telah mengenakan ke atas plaintif hukuman gantung kerja di bawah peraturan 46(1) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 ('Peraturan-Peraturan 1993'). Selanjutnya melalui surat bertarikh 16 April 1997 defendan pertama telah memutuskan plaintif dibuang kerja di bawah peraturan 38(g) Peraturan-Peraturan yang sama.

[7] Daripada fakta kes dan penghujahan pihak-pihak saya mendapati tindakan ini boleh diputuskan dengan menjawab dua soalan utama yang berikut, iaitu (i) sama ada Peraturan-Peraturan 1993 terpakai bagi pembuangan kerja plaintif; dan (ii) jika terpakai, sama ada prosedur yang ditetapkan di bawah peraturan 37 Peraturan-Peraturan 1993 itu telah dipatuhi oleh pihak berkuasa tatatertib.

Sama ada Peraturan-Peraturan 1993 terpakai

[8] Peguam terpelajar plaintif telah menarik perhatian mahkamah bahawa terdapat dua peraturan tatatertib yang berkuatkuasa bagi anggota-anggota pasukan polis, iaitu Peraturan-Peraturan 1993 dan Peraturan-Peraturan Polis (Kelakuan dan Tatatertib) (Pegawai-Pegawai Rendah Polis dan Mata-Mata) 1970 ('Peraturan-Peraturan 1970'). Menurut beliau, sebagai seorang koperal polis, plaintif termasuk dalam takrifan 'pegawai polis rendah' dalam s 2 Akta Polis 1967 ('Akta'). Atas premis ini beliau menghujahkan peraturan tatatertib yang terpakai bagi plaintif adalah Peraturan-Peraturan 1970 dan tidak Peraturan-Peraturan 1993 yang di bawahnya plaintif telah dibuang kerja. Rujukan telah dibuat kepada keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Nordin bin Haji Zakaria P/SAC II, Timbalan Ketua Polis Kelantan & Anor v Mohd Noor bin Abdullah* [2004] 3 AMR 689.

[9] Peguam Kanan Persekutuan terpelajar, bagi pihak defendan, pula menegaskan plaintif sebagai seorang kakitangan Kerajaan yang bertugas dalam Pasukan Polis Diraja adalah pada setiap masa tertakluk kepada kedua-dua Peraturan-Peraturan tersebut. Adalah dihujahkan kes *Nordin bin Haji Zakaria P/SAC II, Timbalan Ketua Polis Kelantan & Anor v Mohd Noor bin Abdullah* tidak terpakai bagi plaintif atas alasan plaintif telah dikenakan perintah sekatan dan kesalahan ini tidak dirangkumi dalam senarai salah laku di bawah Peraturan-Peraturan 1970. Menurut beliau Peraturan-Peraturan 1993 menetapkan prosedur khas bagi kakitangan Kerajaan yang dikenakan perintah tahanan, pengawasan kediaman terhad, buang negeri, deportasi atau apa-apa perintah sekatan atau pengawasan. Lantaran itu beliau menghujahkan pembuangan kerja plaintif di bawah Peraturan-Peraturan 1993 adalah sah dan teratur.

[10] Saya mendapati kes *Nordin bin Haji Zakaria P/SACII, Timbalan Ketua Polis Kelantan & Anor v Mohd Noor bin Abdullah* boleh dijadikan panduan dalam memutuskan isu di hadapan mahkamah sekarang ini. Fakta kes tersebut menunjukkan responden, seorang lans koperal dalam pasukan polis, telah dibuang kerja setelah didapati bersalah atas tiga tuduhan salah laku di bawah Peraturan-Peraturan 1970. Salah satu isu yang dibangkitkan di hadapan mahkamah ialah sama ada prosiding tatatertib terhadap responden sepatutnya dikendalikan di bawah Peraturan-Peraturan 1993 dan tidak di bawah Peraturan-Peraturan 1970. Mahkamah telah memutuskan pada masa material responden adalah pegawai rendah polis berpangkat lans koperal dan dengan yang demikian termasuk dalam rangkuman peraturan 1(2)(a) Peraturan-Peraturan 1970. Selanjutnya telah diputuskan tidak ada peruntukan dalam Peraturan-Peraturan 1970 yang bersamaan dengan peraturan 28(1) Peraturan-Peraturan 1993 yang menghendaki pihak berkuasa tatatertib memberitahu responden mengenai kemungkinan yang dia akan dibuang kerja atau diturunkan pangkat. Adalah juga diputuskan bahawa Mahkamah Rayuan telah tersilap apabila memperluaskan pemakaian peraturan 28 Peraturan-Peraturan 1993 tersebut ke dalam Peraturan-Peraturan 1970.

[11] Saya mendapati kes tersebut di atas telah dengan jelas menyatakan dua perkara utama, iaitu pertama prosiding tatatertib bagi seseorang pegawai polis rendah, termasuk lans koperal, adalah dikawalselia oleh Peraturan-Peraturan 1970; dan kedua peruntukan dalam Peraturan-Peraturan 1993 tidak boleh dibawa masuk ke dalam Peraturan-Peraturan 1970 bagi melengkapkan Peraturan-Peraturan itu. Dengan bersandarkan kepada apa yang digariskan itu saya tidak dapat menerima penghujahan Peguam Kanan Persekutuan bahawa peraturan 37 Peraturan-Peraturan 1993 terpakai bagi plaintif. Pada pendapat saya seseorang penjawat awam hanya tertakluk kepada satu peraturan-peraturan tatatertib sahaja. Saya juga berpendapat peruntukan-peruntukan dalam suatu undang-undang, termasuk undang-undang subsidiari tidak boleh diperluaskan pemakaiannya kepada undang-undang lain melainkan terdapat peruntukan nyata bagi maksud itu dalam undang-undang lain tersebut.

[12] Atas alasan-alasan ini sahaja saya tidak dapat menerima penghujahan Peguam Persekutuan terpelajar bahawa peraturan 37 Peraturan-Peraturan 1993 terpakai bagi plaintif. Lanjutan daripada itu saya mendapati tidak perlu untuk menimbangkan isu

selanjutnya sama ada prosedur di bawah peraturan 37 Peraturan-Peraturan 1993 telah dipatuhi oleh pihak berkuasa tatatertib dalam tindakan pembuangan kerja plaintif. Dengan yang demikian saya ketepikan keputusan pembuangan kerja terhadap plaintif Ishak bin Mansor dan membuat perintah yang berikut, iaitu:

(a) deklarasi sebagaimana yang dipohon di bawah perenggan 7(j)(a) dan (b);

(b) bagi 7(j)(d), siasatan yang dipohon diadakan di hadapan timbalan pendaftar, termasuk faedah di bawah perenggan 7(1)(g).

(c) kos tindakan ini diawardkan kepada plaintif untuk ditaksirkan melainkan jika dipersetujui selainnya.

Keputusan pembuangan kes plaintif diketepikan. Perintah seperti dipohon.

Reported by Peter Ling